

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT : 6
JABATAN	:	SPAN / PAAB / LRA	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

LRA Langkat 2 bakal siap 2022

Hulu Langkat: Projek Loji Rawatan Air (LRA) Langkat 2 yang terbesar di Asia Tenggara dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2022 yang mampu membekalkan air bersih kepada 350,000 akaun atau hampir 1.87 juta pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Abdul Hadi Ali berkata, setakat ini kemajuan keseluruhan projek untuk fasa pertama berakhir pada Disember 2019 adalah 80.33 peratus.

Katanya, PAAB bertanggungjawab membangunkan LRA Langkat 2 yang merangkumi 23 pakej membabitkan kawasan termasuk Hulu Langkat, Cheras, Sungai Besi, Bukit Jalil, Petaling, Bandar Kinrara, Bukit Dengkil, Ampang dan Keramat AU3.

"LRA Langkat 2 yang dibina pada Mac 2014 berupaya membekalkan kapasiti sebanyak 1,130 juta liter sehari (MLD) kepada penduduk di Lembah Klang sekali gus meningkatkan rizab bekalan air di Selangor.

"Sebelum ini, Kerajaan Perse-

kutuan bersetuju membina LRA Langkat 2 pada kos RM3.7 bilion, namun ia ditingkatkan kepada RM4 bilion bagi menampung keperluan dan permintaan tinggi bekalan air di Lembah Klang," katanya ketika ditemui pada Program PAAB Schools Sustainability 2019-2020, di sini, semalam.

Abdul Hadi berkata, keseluruhan kapasiti LRA di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 4,820 MLD dan purata tahunan permintaan air meningkat sebanyak 2.5 hingga tiga peratus.

"Jadi bagi menampung perubahan permintaan air terawat ini dan bagi memenuhi keperluan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), seeloknya tambahan rizab air terawat adalah 10 hingga 15 peratus daripada kapasiti reka bentuk loji rawatan air.

"Ini bermakna rizab margin air terawat adalah dalam lingkungan 5,300 hingga 5,550 MLD," katanya.

Di Kelantan, Pengurus Besar Air Kelantan San Bhd (AKSB), Datuk Dr Azuhan Mohamed,

memberi jaminan Kelantan tidak akan mengalami krisis bekalan air pada masa depan memandangkan separuh bekalannya diperoleh daripada air bawah tanah.

Katanya, sebanyak 36 LRA di Kelantan bukan bergantung sepenuhnya kepada sungai.

"Di Kelantan, 50 peratus kita menggunakan sumber daripada sungai dan selebihnya daripada air bawah tanah. Kita bukan menggunakan air empangan yang mungkin mengalami masalah jika tiada hujan dalam tempoh lama atau kemarau.

"Misalnya di Kota Bharu, kita menggunakan 100 peratus bekalan air bawah tanah. Jika berlaku masalah kekurangan bekalan sekali pun, ia disebabkan pembaikan.

"Bagaimanapun, jika berlaku masalah air, kita akan menggunakan mekanisme catuan air. Apapun, kita akan memastikan bekalan mencukupi setiap masa," katanya ketika dihubungi, semalam.

Purata pengeluaran air di Kelantan adalah sebanyak 503 MLD.



Loji Rawatan Air Langkat 2 di Hulu Langkat, Selangor dijangka akan siap sepenuhnya pada 2022. (Foto: Azuddin Saad / BH)